

# BULETIN

## ICT

Bil.  
1/2018

### Kandungan



Wujudkan Tandatangan dalam Outlook



Apa itu MULTIMEDIA?



One Drive jimatkan ruang storan



Istilah ICT



Mengelak jerat perisian berisiko



Info Keselamatan Persekutaran  
“Bekalan Kuasa”

# SIDANG REDAKSI BULETIN ICT MOT

**Penaung**  
En. Mohd Zuki Bin Mohd Zain

**Ketua Editor**  
Pn. Rosliza Binti Hamzah


**Rekabentuk:**  
En. Ramlee Bin Atan

**Sumbangan Artikel:**  
Pn. Nor Fazillah Binti Mohd Masri  
En. Mohd Surizalman Bin Mohd Zain  
En. Ramlee Bin Atan  
Cik Norzie Nani Binti Abdul Samad  
Pn. Nurul Najwa Binti Samsuddin  
Pn. Izziana Binti Bahadun  
Pn. Roslinda Binti Sani  
Pn. Noraini Binti Abdullah


**Diterbitkan Oleh:**  
Bahagian Pengurusan Maklumat,  
Aras 7, No. 26, Jalan Tun Hussein,  
Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan  
Persekutuan, 62100 Putrajaya  
Tel: : 603-8000 8000  
Faks : 603-8888 1999  
Website : [www.mot.gov.my](http://www.mot.gov.my)

## Wujudkan Tandatangan di dalam Microsoft Outlook


1. Buka mesej e-mel baru
2. Pilih Insert > Signatures



3. Pilih New > Taip tajuk untuk tandatangan tersebut



4. Di bawah Edit Signature, tulis tandatangan anda. Anda boleh menukar fon, warna fon, dan saiz, serta penjajaran teks.



5. Setelah selesai klik OK.

# Apa itu MULTIMEDIA?


Multimedia adalah media yang menggabungkan dua unsur atau lebih media yang terdiri dari teks, grafik, gambar, foto, audio, video dan animasi secara terintegrasi. Multimedia terdiri daripada dua kategori iaitu:

- i. Multimedia Linear; dan
- ii. Multimedia Interaktif.



## Multimedia Linear

1. Dikenali juga sebagai multimedia tidak interaktif.
2. Pengguna bersifat pasif kerana tidak mempunyai sebarang kawalan atas perkembangan isi kandungan dalam aplikasi multimedia tersebut seperti menonton televisyen atau wayang.
3. Isi kandungan dalam multimedia linear biasanya disusun di dalam turutan.



## Multimedia Interaktif

1. Merupakan aplikasi multimedia yang membenarkan pengguna untuk berinteraksi secara aktif.
2. Maksud interaktiviti merujuk kepada cara bagaimana pengguna berinteraksi dengan aplikasi multimedia dan program.
3. Multimedia interaksi turut melibatkan interaksi antara pengguna dan komputer dengan menggunakan peranti input seperti papan kekunci, skrin sentuh atau melalui tetikus.
4. Pengguna boleh mengawal apa yang dilihat dan didengar bagi menentukan hala tuju masing-masing semasa berinteraksi berdasarkan kepada kesesuaian dan minat mereka dengan mengklik pada butang navigasi, Hyperteks ataupun Hypermedia.

# Apa itu Hyperteks dan Hypermedia?

## Hyperteks

Merupakan teks yang mengandungi pautan kepada teks yang lain dengan menekan satu atau lebih perkataan yang bergaris. Ia digunakan untuk menyambung perkataan atau frasa ke skrin yang lain.



## Hypermedia

Ia hampir menyerupai hyperteks, tetapi ia bukan sekadar berasaskan teks sahaja, malah turut mengandungi capaian media lain seperti grafik, imej, audio dan video. Kesimpulannya, hypermedia digunakan bagi menghubungkan pelbagai unsur media.



# Perbezaan Ciri-Ciri MULTIMEDIA



## Multimedia Linear

1. Pengguna tidak mempunyai kawalan terhadap aplikasi.
2. Multimedia linear biasanya akan bermula dari awal hingga akhir dan setelah itu akan mengulangi semula maklumat yang telah dimainkan sebelum itu.
3. Contoh : Iklan TV, klip video, montaj, filem dan animasi.

## Multimedia Interaktif


1. Pengguna boleh mengawal persembahan aplikasi.
2. Pengguna bebas untuk pergi ke mana-mana bahagian maklumat yang dikehendaki melalui butang navigasi – hypertext atau hypermedia.
3. Contoh : Laman web, permainan komputer.

## OneDrive Jimat Ruang Storan



App yang berintegrasi dengan windows 10 ini memudahkan anda melihat fail yang ada dalam OneDrive

Microsoft memperkenalkan app Universal Windows Platform (UMP) terbaru untuk OneDrive yang berfungsi dengan sistem windows 10. Fungsinya bagi merapatkan lagi integrasi OneDrive yang terdahulu dengan sistem operasi tersebut. Ini memudahkan anda melihat fail dalam OneDrive, namun tidak berada dalam storan system.



### Punggah ke storan awan

Setelah mengetahui fungsi dan cara penggunaannya, anda boleh menempatkan fail-fail yang bersaiz besar atau kurang penting ke dalam storan awan ini. Langkah ini boleh mencipta lebih banyak ruang dalam storan system anda terutamnya laptop atau tablet berdasarkan windows 10 yang mungkin memiliki ruang storan yang terhad.

Pasangkan app ini setelah Berjaya dimuat turun dari windows Store. Kemudian daftar masuk (Sign in) ke dalam app ini melalui akaun Microsoft anda dan tunggu sehingga prosesnya selesai. Selepas itu, anda boleh memunggah fail dari storan system ke dalam storan awan ini sambil masih boleh melihatnya dengan mudah pada sistem anda.


ISTILAH ICT		
BIL. 1/2018		
BAHASA INGGERIS	BAHASA MELAYU	PENERANGAN
Data privacy	Kerahsiaan data/ kebersendirian data	Keadaan apabila data tidak boleh dicapai oleh pengguna tanpa kebenaran
Default password	Kataluan lalai	Kata laluan yang pertama kali diberikan kepada individu apabila mereka menjadi pengguna sesuatu sistem. Pengguna biasanya akan menukar kata laluan ini sebaik sahaja dapat mencapai sistem.
Computer crime	Jenayah komputer	Jenayah yang dilakukan dengan menggunakan perisian atau data dalam komputer
IP Spoofing	Perdayaan IP	Kaedah yang melibatkan suatu mesin, komputer atau peranti menggunakan alamat IP selain daripada yang telah diberikan kepadanya untuk tujuan memperdayakan sistem penyahih
Phishing	Memancing data	Cubaan dengan niat jahat dan menyalahi peraturan untuk mendapatkan maklumat sensitif dalam talian seperti identiti pengguna dan kataluan dengan menyamar sebagai entiti sah

SUMBER : Pusat Rujukan Persuratan Melayu (<http://prpm.dbp.gov.my>)  
Muat turun aplikasi mudah alih "Carian Istilah"  
dari Galeri Aplikasi Mudah Alih Kerajaan Malaysia (GAMMA)

## Mengelak jerat perisian berisiko

Aktiviti memuat turun serta memasang perisian percuma dari internet boleh mendedahkan komputer anda kepada jangkitan program yang berniat jahat (malware).

Anda diingatkan agar lebih berhati-hati ketika proses memuat turun dan memasang perisian tersebut. Antara langkah-langkah yang boleh diambil adalah:-

- 
1. Muat turun di tapak web yang dipercayai
  2. Abaikan aplikasi pemuat turun, pemasang
  3. Jangan Klik iklan di laman web muat turun
  4. Tolak sebarang muat turun secara automatik
  5. Pastikan antivirus aktif, selalu dikemaskini

# INFO ? DID YOU KNOW

## Keselamatan Persekitaran “Bekalan Kuasa”

1

Semua peralatan ICT hendaklah dilindungi dari kegagalan elektrik dan bekalan yang sesuai hendaklah disalurkan kepada peralatan ICT

2

Semua peralatan sokongan bekalan kuasa hendaklah disemak dan diuji secara berjadual

3

Peralatan sokongan seperti uninterruptible power supply (UPS) dan penjana (generator) boleh digunakan bagi perkhidmatan kritikal di bilik server supaya mendapat bekalan kuasa berterusan.